
Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 28 April 2021



KENYATAAN MEDIA
BAGI PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR
NEGERI, MALAYSIA, MAC 2021

Eksport Malaysia mencatatkan pertumbuhan tertinggi dalam tempoh 44 bulan

PUTRAJAYA, 28 APRIL 2021 – Eksport dan import Malaysia pada Mac 2021 mencatatkan nilai tertinggi, masing-masing mencecah RM104.9 bilion dan RM80.8 bilion. Lebihan dagangan berjumlah RM24.2 bilion (+96.1%), menunjukkan ke arah pemulihan ekonomi daripada kesan wabak COVID-19 sebagai mana dilaporkan dalam laporan **PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI, MAC 2021** hari ini. Laporan ini turut memaparkan prestasi import dan eksport mengikut produk dan rakan dagangan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata "Eksport Malaysia pada Mac 2021 terus berkembang dengan merekodkan pertumbuhan kukuh dua digit 31.0 peratus kepada RM104.9 bilion dari setahun yang lalu dan merupakan pertumbuhan tahun ke tahun tertinggi dalam tempoh 44 bulan. Eksport domestik bernilai RM87.0 bilion menyumbang 82.9 peratus kepada jumlah eksport, meningkat dengan kukuh 38.5 peratus tahun ke tahun. Sementara, eksport semula berjumlah RM17.9 bilion meningkat 3.7 peratus berbanding Mac 2020. Import pada Mac 2021 juga mencatat nilai bulanan tertinggi RM80.8 bilion, meningkat 19.2 peratus daripada RM67.8 bilion pada tahun sebelumnya. Jumlah dagangan yang bernilai RM185.7 bilion meningkat 25.6 peratus tahun ke tahun.

Selari dengan pertumbuhan jumlah dagangan, daripada 251 kumpulan barang bagi eksport, 198 kumpulan barang menunjukkan kenaikan. Sementara bagi import, 188 daripada 258 kumpulan barang mencatat pertumbuhan positif berbanding tahun sebelumnya. Di samping itu, prestasi Mac 2021 juga lebih baik berbanding Mac 2019."

Jabatan Perangkaan Malaysia juga melaporkan bahawa peningkatan dalam eksport didorong oleh eksport yang lebih tinggi ke China (+RM5.1 bilion), Amerika Syarikat (+RM5.0 bilion), Singapura (+RM3.6 bilion), Kesatuan Eropah (+RM3.1 bilion), Viet Nam (+RM2.1 bilion), Hong Kong (+RM1.9 bilion) dan India (+RM1.5 bilion). Sementara itu, kenaikan import terutamanya dari China (+RM3.9 bilion), Singapura (+RM2.1 bilion), Jepun (+RM1.5 bilion), Thailand (+RM1.5 bilion), Kesatuan Eropah (+RM1.4 bilion) and Taiwan (+RM1.2 bilion).


Dari segi produk, pertumbuhan didorong oleh barang elektrik dan elektronik (+RM12.9 bilion); keluaran getah (+RM5.0 bilion); barang perlilangan logam (+RM2.5 bilion); minyak kelapa sawit dan keluaran pertanian berasakan minyak kelapa sawit (+RM1.9 bilion); kimia dan bahan kima (+RM1.5 bilion) dan jentera, kelengkapan dan peralatan (+RM1.5 bilion). Sementara itu, kenaikan import dicatatkan bagi barang elektrik dan elektronik (+RM5.3 bilion); barang perlilangan logam (+RM1.5 bilion); kimia dan bahan kima (+RM1.4 bilion); kelengkapan pengangkutan (+RM1.3 bilion); jentera, kelengkapan dan peralatan (+RM1.2 bilion) dan keluaran getah (+RM1.1 bilion).

Pada masa yang sama, import mengikut Penggunaan Akhir mencatatkan peningkatan bagi semua kategori utama iaitu barang perantaraan, modal dan penggunaan. Import barang perantaraan (54.0% daripada jumlah import) meningkat RM4.8 bilion atau 12.4 peratus. Ia diikuti oleh barang modal yang berjumlah RM8.3 bilion, meningkat RM4.0 bilion dan merangkumi 10.3 peratus daripada jumlah import pada Mac 2021. Seterusnya, import barang penggunaan (8.8% daripada jumlah import) mencatat kenaikan 13.0 peratus daripada RM6.3 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM7.1 bilion.

Di samping itu, prestasi keseluruhan bagi suku pertama (ST1) 2021 juga menunjukkan peningkatan yang signifikan berbanding ST1 2020. Eksport, import, jumlah dagangan dan lebihan dagangan masing-masing meningkat 18.2 peratus, 10.8 peratus, 14.8 peratus dan 58.6 peratus.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara Bersemuka dan Dalam Talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

**Carta 1: Prestasi Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2020 – Mac 2021
(Peratus Perubahan Tahunan)**



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

28 APRIL 2021



**MEDIA
STATEMENT**

**FOR EXTERNAL TRADE STATISTICS,
MARCH 2021**

Malaysia's exports marked the strongest growth in 44 months

PUTRAJAYA, April 28, 2021 – Malaysia's exports and imports in March 2021 recorded a new high, reaching RM104.9 billion and RM80.8 billion, respectively. Trade surplus registered at RM24.2 billion (+96.1%), an indication towards the economic recovery from the impact of COVID-19 pandemic as reported today in **EXTERNAL TRADE STATISTICS, MARCH 2021 report**. This report also presents the performance of imports and exports by product and trading partner.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said "Malaysia's exports in March 2021 continued to expand by recording strong double-digit growth of 31.0 per cent to RM104.9 billion from a year ago and was the strongest year-on-year (y-o-y) growth in 44 months. Domestic exports was valued at RM87.0 billion contributed 82.9 per cent to the total exports, picking up strongly 38.5 per cent year-on-year (y-o-y). While, re-exports amounted RM17.9 billion rose by 3.7 per cent as compared to March 2020. Imports in March 2021 also posted the highest monthly value of RM80.8 billion, an increase of 19.2 per cent from RM67.8 billion in preceding year. Total trade which valued at RM185.7 billion widened by 25.6 per cent y-o-y."

In conjunction to the total trade growth, out of 251 commodity groups for exports, 198 groups showed increases. Meanwhile for imports, 188 out of 258 groups posted a positive growth as compared to the previous year. On top of that, the performance of March 2021 was also better than March 2019."

The Department of Statistics Malaysia also reported that the expansion in exports was supported mainly by higher exports to China (+RM5.1 billion), the United States (+RM5.0 billion), Singapore (+RM3.6 billion), the European Union (+RM3.1 billion), Viet Nam (+RM2.1 billion), Hong Kong (+RM1.9 billion) and India (+RM1.5 billion). Meanwhile, increases in imports were mainly from China (+RM3.9 billion), Singapore (+RM2.1 billion), Japan (+RM1.5 billion), Thailand (+RM1.5 billion), the European Union (+RM1.4 billion) and Taiwan (+RM1.2 billion).

Products-wise, growth was driven by electrical and electronic products (+RM12.9 billion); rubber products (+RM5.0 billion); manufacture of metal (+RM2.5 billion); palm oil and palm oil-based agriculture products (+RM1.9 billion); chemical and chemical products (+RM1.5 billion) and machinery, equipment and parts (+RM1.5 billion). Meanwhile, expansion in imports were noted for electrical and electronic products (+RM5.3 billion); manufactured of metal (+RM1.5 billion); chemical and chemical


products (+RM1.4 billion); transport equipment (+RM1.3 billion); machinery, equipment and parts (+RM1.2 billion) and rubber products (+RM1.1 billion).

On the same note, imports by End Use recorded an increase for all main categories namely intermediate, capital and consumption goods. Imports of intermediate goods (54.0% of the total imports) surged by RM4.8 billion or 12.4 per cent. It was followed by capital good which amounted to RM8.3 billion, increase by RM4.0 billion and comprised 10.3 per cent of total imports in /March 2021. Furthermore, imports of consumption goods (8.8% of total imports) registering an increase of 13.0 per cent from RM6.3 billion in the preceding year to RM7.1 billion.

In addition, the overall performance for the first quarter (Q1) of 2021 also experienced significant increase as compared to Q1 of 2020. Exports, imports, total trade and trade surplus expanded by 18.2 per cent, 10.8 per cent, 14.8 per cent and 58.6 per cent, respectively.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via face to face and online (e-Census) is being conducted nationwide until 30th June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Chart 1: Performance of External Trade Statistics, Jan 2020 – Mar 2021
(Annual Percentage Change)



Released
by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

28 APRIL 2021